

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N15 PADANG LALANG
EXCO PEMBANGUNAN SOSIAL DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM

Selamat pagi Tuan Yang Di-pertua dan YB-YB yang berada dalam dewan yang mulia ini. Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang bagi saya untuk menjawabkan usul yang dicadang oleh YB Sungai Pinang. Sebelum saya jawab usul yang dicadangkan oleh YB, saya ada soalan untuk clarifykan mengenai tema usul hari ini.

- Tema pertama, tadika dan taska yang beroperasi secara tidak daftar
- Tema kedua, persekitaran pembelajaran yang kondusif amat penting untuk pelajar pelajar yang dilihatkan sebagai modal insan negara. *The Future of The Nation*

Adakah fahaman saya terhadap usul YB betul?

Kalau dari aspek pertama, saya ingin bagitau, kita telah provide solution atas masalah ini. Antara langkah telah diambil ialah menjalankan advokasi dan memberi khidmat nasihat kepada pengusaha tidak berdaftar. Kita juga adakan taklimat serta dialog Bersama pengusaha bagi memberi penerangan berkaitan proses pendaftaran selain konsultasi bagi mengenal pasti dan membantu mereka berdaftar.

Kerajaan negeri juga memperuntukan sebanyak 300,000 setahun dalam tempoh tiga tahun sehingga tahun ini dalam bentuk geran bagi menaiktaraf taska dan pusat jagaan kanak-kanak. Jadi pada suku pertama tahun 2022, kerajaan negeri telah meluluskan permohonan geran sebanyak 11taska yang berjumlah 194,138.98 ringgit bagi membantu menringankan beban kewangan pengusaha dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka.

Secara keseluruhan, terdapat 123 taska dan 461 tadika beroperasi pada tahun 2022 dan kerajaan turut memudahkan proses pendaftaran pusat-pusat sedemikian dengan mengurangkan pelbagai terma dan syarat. Antara yang dipermudahkan termasuk bayaran lot parkir dan pengurangan bayaran tukar guna premis.

Majlis Masyuarat Kerajaan Pembangunan Sosial dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri juga mengadakan sesi konsultasi bersama pengusaha taska dan pusat jagaan yang tidak berdaftar.

Sebanyak 21 taska dan 34 pusat jagaan layak dipertimbangkan untuk pendaftaran dengan pengusaha yang menghadapi masalah dalam proses itu telah diberi penjelasan dan panduan oleh agensi berkaitan.

Sekarang saya akan menjawab tema kedua.

Sedia maklum kita kerajaan negeri Pulau Pinang mengambil inisiatif dalam membentuk persekitaran pembelajaran yang selesa dan kondusif.

Setiap tahun, peruntukan bantuan kewangan akan diumumkan dalam ucapan bajet tahunan. Kalau YB baca, YB akan faham kerajaan memperuntukan bantuan kewangan yang cover all aspect which mean regardless of you are majority or minority, we care about you. Seperti yang dikatakan,

- Jumlah sumbangan peruntukan sebanyak 2 juta ringgit kepada sekolah tamil,
- RM 150,000 diperuntukan kepada tadika sekolah tamil,
- RM 90,000 diperuntukkan kepada sekolah Punjabi
- RM 150,000 peruntukan tabung khas jawatankuasa khas sekolah tamil

Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang memberikan bantuan sedemikian sejak kerajaan negeri mengambil alih tumpuk pemerintahan negeri ini pada tahun 2008.

Brandon Ooi Chong Xue

N15 Padang Lalang

Sidang Muda 2022/23